

ABSTRAK

Kajian ini mengemukakan sebuah analisis tentang faktor leksis dan budaya dalam sebuah karya terjemahan kontemporari Arab Melayu serta kaitannya dalam proses penterjemahan. Analisis yang dilakukan adalah berdasarkan Bab 1 dan Bab 2, karya Pengembaraan Ibn Battutah (*The Travels of Ibn Battuta*), yang merupakan versi terjemahan karya asal *Rihlah Ibn Battutah* (1357). Pelbagai perbezaan budaya antara bahasa Arab dan bahasa Melayu menimbulkan berbagai-bagai masalah dan kesukaran dalam terjemahan, terutamanya dalam soal pemilihan leksis yang sepadan.

Analisis ini bertujuan untuk mengenal pasti sejauh mana faktor leksis dan budaya menyebabkan kesukaran dalam menginterpretasi makna item leksikal yang bermasalah. Penterjemahan karya ini adalah berdasarkan pendekatan akulturasi yang dikemukakan oleh Lefevere dan Bassnett Mc-Guire (1992). Untuk mengenal pasti klasifikasi leksikal dan frasa bermasalah, kajian ini menggunakan beberapa taksonomi. Taksonomi Lefevere (1992) dan Florin (1993) digunakan untuk makna denotasi, taksonomi Baker (1992) untuk makna konotasi dan taksonomi El-Sieny *et al.* (1996) untuk makna idiomatik.

Analisis kuantitatif dan kualitatif digunakan untuk memproses data-data. Analisis kuantitatif digunakan untuk mengetahui kekerapan masalah denotasi, konotasi dan idiomatik sementara analisis kualitatif diterapkan terhadap item tertentu berdasarkan konteks budaya dan linguistik yang merangkuminya.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa dalam penterjemahan teks berbahasa Arab ini ke bahasa Melayu, masalah paling utama ialah makna denotasi dan kemudiannya diikuti oleh konotasi dan idiomatik. Malah, makna idiomatik kurang menampilkan masalah berbanding jangkaan oleh sebab kurangnya struktur idiomatik dalam bahasa Arab berbanding bahasa Melayu atau Inggeris.

Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan betapa pentingnya faktor leksikal dan budaya dalam penterjemahan sastera pengembaraan. Malah, pengabaian terhadap faktor ini akan menghakis nilai komunikatif karya terjemahan tersebut berbanding karya asalnya.

ABSTRACT

This research presents an analysis of lexical and cultural factors in a contemporary Arabic-Malay translation in relation to the process of translating. The analysis is based on chapters 1 and 2 of *Pengembaraan Ibn Battutah* (The Travels of Ibn Battuta), which is the translated version of the original text *Rihlah Ibn Battutah* (1357). Cultural differences between Arabic and Malay cause problems and difficulties in translation, especially in the selection of appropriate lexis.

The analysis aims to identify the extent in which lexical and cultural factors cause difficulties in the interpretation of the meaning of problematic lexical items. The translation was premised on the acculturation approach of Lefevere and Bassnett Mc-Guire (1992). To determine the classification of problematic lexis and phrases, the following taxonomies were employed: Florin's (1993) for denotation, Baker's (1992) for connotation and El-Sieny *et al.*'s (1996) for idiomatic expressions.

Quantitative and qualitative analyses were employed in processing the data. Quantitative analysis was used to discover the frequency of occurrence of denotative, connotative and idiomatic problems, and qualitative analysis was applied to the individual items in their cultural and linguistic contexts.

The findings of the study show that, in the translation of this Arabic text into Malay, the problem is primarily one of denotation and only secondarily that of connotation and idiom. Indeed, idioms present far less of a problem than might be expected due to the relative lack of idiomatic structures in Arabic as compared to Malay or English.

In conclusion, this study shows how crucial lexical and cultural factors are in the translation of travel literature and that neglecting these factors will diminish the communicative value of the translated work as compared with the original.